



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	2/10/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	PERHILITAN			

HM, 2 Okt
2021_9

Cemas dengar ngauman harimau

Seremban: Penduduk Taman Seremban 3 di sini diselubungi ketakutan susulan gangguan seekor harimau didakwa berkeliaran di kawasan kediaman itu.

Susulan itu pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan memasang kamera perangkap bagi mengesan kehadiran haiwan pemangsa itu.

Pengarahnya, Wan Mat Wan Harun, berkata, pihaknya sudah menjalankan siasatan di lokasi berkenaan dan setakat ini hanya menjumpai kesan tapak kaki babi hutan di dalam kawasan belukar berhampiran.

“Setakat ini kami belum menjumpai bukti terdapat kelibat harimau di kawasan berhampiran taman itu seperti dakwaan penduduk.

“Sebagai langkah keselamatan, kami memasang kamera perangkap bagi

mengesahkan dakwaan kehadiran dan spesies harimau di kawasan itu.

“Buat masa ini, tiada bukti kehadiran haiwan itu, tambahan pula lokasi berkenaan berhampiran dengan taman perumahan dan tidak logik harimau berkeliaran di kawasan itu,” katanya.

Terdahulu, beberapa penduduk gusar selepas mendakwa terdengar bunyi ngauman seakan harimau sejak kelmarin.

Khadijah Elias, 34, berkata, dia turut mendengar bunyi ngauman itu pada jam 8.30 pagi dari kawasan belukar yang terletak berhampiran rumahnya.

“Ketika hendak membuka pintu pagar, saya terdengar bunyi ngauman harimau, saya dengar lebih dua kali.

“Saya masuk ke dalam rumah untuk mengambil telefon pintar bagi merakam bunyi itu namun bunyi itu hilang tidak lama kemudian,” katanya.